

Karnival tiga tahun pentadbiran Pakatan S'gor
Malaysiakini.com
March 2, 2011

Karnival sambutan tiga tahun pentadbiran kerajaan negeri Pakatan Rakyat Selangor akan diadakan di Stadium Malawati di Shah Alam pada hari Sabtu dan Ahad ini .

Acara kemuncak sambutan tersebut ialah pelancaran Buku Jingga oleh Menteri Besar, Tan Si Abdul Khalid Ibrahim dan ceramah perdana oleh pimpinan tertinggi Pakatan Rakyat.

"Kita akan melancarkan Buku Jingga iaitu buku yang menggambarkan program-program besar Pakatan Rakyat jika menawan Putrajaya dalam tempoh 100 hari untuk kebaikan rakyat," kata Exco Selangor Datuk Dr Hasan Ali dalam sidang media selepas mesyuarat exco.

Dr Hassan juga merupakan pengerusi jawatankuasa sambutan dan pesuruhjaya PAS Selangor.

Sebanyak 28 jabatan dan agensi serta 22 pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) akan mengadakan pameran dan jualan sepanjang karnival berlangsung.

Dalam kenyataan yang diedarkan kepada media, majlis tersebut akan dimeriahkan dengan persembahan kesenian dan kebudayaan oleh Perbadanan Adat Warisan Negeri Selangor (PADAT).

Antara acara lain sepanjang dua hari program tersebut ialah pertandingan futsal, go-kart, persembahan kesenian, pameran, pertandingan memasak dan pertandingan mewarna untuk kanak-kanak.

Pertandingan futsal akan diadakan di Gelanggang Futsal Extreme Park, Shah Alam, manakala pertandingan go-kart diadakan di litar go-kart Stadium Shah Alam.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/157516>